


# OIC kena tumpu usaha basmi kemiskinan: PM

BH - 6/11/2006

## WIEF bantu negara Islam bekerjasama dalam pembangunan ekonomi



**I**SLAMABAD: Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) mempunyai tanggungjawab moral dan ekonomi untuk membantu negara anggota yang kurang maju dalam usaha membebaskan mereka daripada belenggu kitaran kemiskinan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang juga Pengerusi OIC berkata, negara anggota yang ekonominya lemah akan turut melemahkan organisasi itu sendiri pada keseluruhannya.

“Sebahagian besar daripada masalah ini adalah kerana kelemahan kita sendiri dan mudah rapuh. Kita perlu jujur pada diri sendiri dan mengenal pasti punca sebenar kemiskinan di negara Islam.

“Kita perlu memperkukuhkan konsep persaudaraan Islam dan mengambil tindakan bersepadu untuk kerjasama lebih meluas di kalangan negara anggota OIC,” katanya ketika menyampaikan ucapan pada Forum Ekonomi Islam Sedunia (WIEF) ke-2 di sini semalam.

Forum tiga hari itu dianjurkan Kerajaan Pakistan dengan kerjasama Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli) disertai 600 peserta termasuk 70 pemimpin perniagaan dari Malaysia.

Perdana Menteri berkata, fungsi WIEF adalah penting untuk membantu negara Islam bekerjasama dalam isu ekonomi dan pembangunan antarabangsa.

Katanya, forum itu juga akan dapat membantu negara Islam menjadi pemain kompetitif dalam dunia perdagangan dan pelaburan antarabangsa yang lebih meluas.

“Negara Islam harus mengeksplorasi sepenuhnya dua kapasiti mere-

ka, pertama sebagai entiti ekonomi Islam yang beroperasi di pasaran khusus mengenai produk halal serta sektor perkhidmatan, kedua sebagai pemain biasa dalam sistem ekonomi antarabangsa bagi menarik idea termasuk mencari rakan kongsi.

“Bagi negara OIC, sama ada dalam konteks bekerjasama antara satu sama lain atau menjalankan perniagaan dengan dunia lain, mesejnya tetap sama iaitu mereka mesti menjadi pengeluar barang dan perkhidmatan yang kompetitif serta cekap,” katanya.

Selain agenda menghapuskan kemiskinan katanya, OIC juga perlu merapatkan perpaduan ummah sama ada pada peringkat dalam negara atau antara negara dan keganasan hendaklah dihentikan sama sekali.

Agenda lain katanya, ialah menghapuskan permusuhan yang kini wujud di antara Barat dan dunia yang dianggap krisis terbesar dihadapi negara Islam.

Beliau berkata, negara Islam bertindak kuasa dunia seperti yang ber-

**“ Menghapuskan kemiskinan di negara Islam harus menjadi agenda utama OIC ”**

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

laku di Palestin, Afghanistan, Iraq dan Lebanon.

“Bagi mencapai matlamat dan menyiapkan agenda kita (OIC), saya percaya kita mesti meningkatkan kegiatan ekonomi. Dengan cara itu, kita dapat pengaruh politik. Dalam hubungan ini, negara Islam mempunyai potensi yang wajar,” katanya.

Abdullah berkata, ada 1.25 bilion umat Islam di seluruh dunia, iaitu menghampiri kira-kira 20 peratus penduduk dunia. Pasaran sedia ada untuk perkhidmatan dan produk halal amat besar,” katanya.

Perdana Menteri berkata, itulah kuasa yang ada di tangan umat Islam dan mereka perlu mencari kehendak politik bagi menerokai potensi itu dengan cara sewajarnya.